



Kolej 17 Juara Perbarisan Pesta Integriti



Wakil Pelajar Baharu dari Kolej 17 (kanan) terima hadiah sebagai juara Perbarisan Pesta Integriti dari Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah sambil disaksi Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Ab Malek Simon

SERDANG, 4 JULAI – Pelajar baharu Kolej 17 menjuarai acara Perbarisan dalam Pesta Integriti yang diadakan sempena Minggu Perkasia Putra Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2009/2010 di Bukit Ekspo UPM baru-baru ini.

Keputusan diumumkan selepas program Senam Seni Malaysia yang dihadiri 3627 pelajar baharu dari 17 kolej kediaman.

Selain acara Perbarisan, Pesta Integriti mempertandingkan acara Sorakan dan Formasi yang dimenangi oleh Kolej Canselor sementara johan acara Maskot dimenangi oleh Kolej 12 dengan mempertaruhkan maskot Kancil.

Senam Seni selama sejam tersebut dikendalikan oleh fasilitator, Mohd Zulhafis Zulkeply dan sepuluh ahli kelab Adimastuli UPM.

Pelajar Baharu Orang Kurang Upaya (OKU) Program Baceor Sains Bioteknologi UPM, Mohd Uzair Jaafar dari Kolej Kedua menyatakan beliau amat gembira turut serta meraikan acara itu.



"Kekurangan bukan satu aspek penting bagi menghalang kejayaan seorang itu kerana keinginan untuk berjaya akan mengatasi segala cabaran yang datang" katanya.

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah disaksikan Timbalan Naib Canselor UPM (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali Mohamed.



Senam Seni yang dikendalikan oleh fasilitator serta sepuluh ahli Kelab Adimastuli UPM

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti